

LAWATAN TAN SRI VC ke Perpustakaan Tun Abdul Razak 03 Mar 2009

LAWATAN TAN SRI DATO' SERI NAIB CANSELOR UiTM KE PAMERAN HASIL PENCAPAIAN PROJEK KIK PTAR PADA BULAN MAC 2009.

Pada 3 Mac 2009 Tan Sri Dato' Seri Naib Canselor UiTM sempat melawat ke pameran hasil pencapaian projek Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).

Beberapa projek yang telah mengharumkan nama PTAR dan UiTM oleh beberapa Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) PTAR melalui pencapaian memenangi beberapa anugerah didalam Konvensyen KIK UiTM, mahupun di peringkat Perpustakaan Semalaysia, IPTA dan juga Konvensyen KIK MPC Wilayah serta Kebangsaan telah di pamerkan.

Selain dari itu yang lebih membanggakan lagi, projek-projek Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) yang ahlinya terdiri dari kalangan staf Perpustakaan bukan saja mendapat pengiktirafan didalam Konvensyen KIK malah ia juga diiktiraf di pameran teknologi didalam dan di luar Negara.

Pada 19-21 Feb 2009 di Malaysia Technology Expo (MTE) PWTC yang lalu Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) eWave dengan Tajuk Projek: LIBRARY AUTOMATED SELF-CHARGING MACHINE telah menerima anugerah Pingat EMAS dan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) MySMART - Tajuk Projek: MySMART PORTABLE LOCKER telah menerima anugerah Pingat PERAK. Expo tersebut telah disenarai oleh 460 peserta/ kumpulan daripada pelbagai IPTA, badan swasta, MRSN dan lain-lain organisasi.

Pencapaian diperingkat antarabangsa pula bermula pada tahun 2008 apabila Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) SMART terpilih mewakili UiTM ke The 36th International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products 2008. Di Geneva,

Switzerland pada 2-6 April 2008 dan telah menerima pingat GANGSA.

Kejayaan tersebut disusuli oleh Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) eWAVE dengan Projek CLIS-Computer Lab Information System, telah mewakili UiTM ke Pertandingan Seoul, Korea yang disertai 34 negara dan Projek eWAVE telah dianugerahkan Pingat EMAS sekaligus mengharumkan nama Perpustakaan dan UiTM.

